







**NEGARA NASIONALISME PENGHALANG
PEMBENTUKAN UMMAH**

NEGARA NASIONALISME PENGHALANG
PEMBENTUKAN UMMAH

NEGARA NASIONALISME PENGHALANG PEMBENTUKAN UMMAH

Kalim Siddiqui

Terjemahan: Mahzan Ahmad

© PUSTAKA AL-ALAMI 1985

Terjemahan: Mahzan Ahmad

EDISI PERTAMA 1985

ISBN 967-99959-3-3

Ditertbitkan oleh
PUSTAKA AL-ALAMI
Unit 51-2, Tingkat 2,
Wisma Darul Iqbal,
Jalan Raja Alang,
50300 Kuala Lumpur.

PUSTAKA  AL-ALAMI

Kuala Lumpur

© Hak penerbitan terpelihara. Mana-mana
bahagian buku ini tidak boleh dihasilkan
semula dalam apa bentuk jua pun tanpa
terlebih dahulu mendapat izin bertulis dari
PUSTAKA AL-ALAMI, Kuala Lumpur.

Tajuk Asal: Nation-States As Obstacles To The Total
Transformation of The Ummah.

Oleh Dr. Kalim Siddiqui
Pengarah, Muslim Institute, London.

**NEGARA NASIONALISME PENGHALANG
PEMBENTUKAN UMMAH**

Dr. Kalim Siddiqui

© PUSTAKA AL-ALAMI 1985

Terjemahan: Mahzan Ahmad

EDISI PERTAMA 1985

ISBN 967-99959-3-3

Diterbitkan oleh
PUSTAKA AL-ALAMI
Unit 51-2, Tingkat 2,
Wisma Datuk Dagang,
Jalan Raja Alang
50300 Kuala Lumpur.

Dicetak Oleh
Academy & Art Printing Services Sdn. Bhd.
Kuala Lumpur.

"Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, Maha Penyayang."

Segala puji hanya bagi Allah (s.w.t.), Wali segala kebaikan, salawat dan salam ke atas Nabi Muhammad (s.a.w.), keluarganya, dan sahabat-sahabatnya yang merupakan lampu petunjuk.

Faham memisahkan Ad-Din (AGAMA) daripada Politik Negara adalah suatu fahaman hasil dari fikiran fahaman Kebangsaan yang didatangkan dari Barat, Islam tidak menganggap demikian, malahan Islam beranggapan Fahaman Politik yang di dalamnya tiada mengandungi ciri-ciri agama, sebenarnya bukanlah politik.

Pendekatan secara "parti politik" bagi menyelesaikan masalah Ummat adalah sebenarnya berasal dari Barat dan ianya tidak sesuai dengan cita-cita Islam. Gerakan Islam sejagat seharusnya sudah dapat mencerminkan "Kepaduan Manhaj" yang dapat meliputi mewakili semua harakah Islamiyah sedunia. Suatu institusi khusus seharusnya dapat dibentuk di peringkat tempatan, kawasan dan di seluruh dunia bagi menyelaraskan usaha-usaha ini.

Semua gerakan pembebasan Ummat Islam adalah sebenarnya dan semestinya bersifat sejagat (Global). Tidak ada satu bentuk pembebasan yang membawa pengertian yang sebenar, kecuali ianya disertai dengan JIHAD yang berakhir dengan pembentukan sebuah Negara Islam. Semua gerakan-gerakan Islam yang kini mesti meninggalkan semua polisi kebangsaan, cogan kata dan identiti mereka, dan kini bersatu dalam satu gerakan Islam sejagat.

Pergerakan Islam sejagat mesti berjuang bagi memusnah dan meruntuhkan fahaman Kebangsaan moden yang berusaha membentuk negara-negara yang

berasaskan kepada fahaman Kebangsaan, dan kini mengambil alih usaha bagi mengubah secara keseluruhan sistem-sistem politik, sosial, budaya, dan ekonomi Ummah. Sempadan-sempadan di antara Negara dengan Negara yang boleh memisahkan di antara Ummah hendaklah dihapuskan dan semua kekayaan Ummah hendaklah digunakan bagi kekuatan dan pertahanan Ummah Islam.

Masalah pimpinan adalah sesuatu yang amat penting bagi Islam. Pimpinan-pimpinan yang ada kini menguasai Ummat Islam adalah pemimpin-pemimpin yang tunduk dan berkhidmat kepada golongan KUFR, dan dengan yang demikian pemimpin-pemimpin ini tidak layak memimpin Ummat Islam. Ketokohan Dan Pimpinan Imam Khomeini adalah mencerminkan suatu pimpinan yang wajar bagi seluruh Harakah Islam di seluruh dunia.

Buku ini merupakan satu kertas kerja oleh Dr. Kalim Siddiqui, Pengarah The Muslim Institute, London yang bertajuk 'Nation-States As Obstacles To The Total Transformation of The Ummah' yang dibentangkan di Seminar Islam Se Dunia di London, Ogos 1985, atas tema 'Kesan-kesan Nasionalisme Terhadap Pembentukan Ummah'.

Syed Jaffar Alsagoff

Penerbit & Pengarah

PUSTAKA AL-ALAMI

Kuala Lumpur.

1985

NEGARA NASIONALISME PENGHALANG PEMBENTUKAN UMMAH

Pada hari ini kita berhadapan barangkali dengan kejahatan yang paling buruk sekali di dalam dunia. Ia ialah **nasionalisme**. Orang Islam di seluruh dunia mengetahui kejahatannya dengan pengertian yang agak umum. Sebabnya bahan bacaan mengenai perkara ini tersangat sedikit. Oleh itu satu pemerian dan analisis terperinci amat perlu. Di pusat pengajian tinggi kita, nasionalisme disebut sebagai suatu tenaga positif yang mempercepatkan keluarnya kuasa kolonial dari tanah jajahan. Sungguhpun begitu adalah pasti bahawa nasionalisme sebagai doktrin politik ataupun pembakar emosi rakyat hanya baharu 100 tahun dikenali oleh orang Islam. Sehubungan ini patutlah diingat bahawa 1300 tahun sebelumnya orang Islam telahpun membina empayar dan negara besar tanpa bergantung kepada apa-apa ideologi yang seumpama nasionalisme moden. Saya berpendapat bahawa nasionalisme adalah tenaga yang memecah belah sahsiah manusia dan masyarakat pada semua peringkat¹. Pandangan saya tentang hal ini cukup jelas; 10 tahun dahulupun sudah saya katakan pendapat ini.²

Hari ini saya tidak bercadang untuk memberikan penjelasan secara teoritis dan berfalsafah tentang nasionalisme. Akar umbi tentang sejarah dan kesannya ke atas ummah akan dianalisa secara terperinci dalam seminar ini. Para ulama yang arif akan mengkaji nasionalisme ini dalam hubungannya dengan ajaran Al Quran dan Sunnah Rasulullah. Ucapan saya hanyalah untuk melihat secara pragmatis dan empiris keadaan ummah yang terbelenggu dengan nasionalisme. Saya sedar bahawa

nasionalisme adalah juga punca kejahatan sosialisme kebangsaan, kapitalisme kebangsaan, demokrasi kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan.

Kebanyakan bahasa besar di dunia hari ini telahpun wujud beratus tahun sebelum adanya nasionalisme, dan walaupun begitu masih juga disebut bahasa "kebangsaan". Tiket kebangsaan itu hari ini dilekatkan pada pakaian dan makanan. Oleh itu kita sebenarnya sedang berbicara tentang penyakit yang melibatkan segala tingkah laku manusia. Nasionalisme telah berusaha untuk meresap seluruh peringkat sahsiah manusia -- jiwa, raga dan minda. Sungguhpun begitu yang pasti racun nasionalisme disuntik dan terus disuntik melalui hanya satu cara: kawalan dan manipulasi kuasa politik.

Satu fakta yang harus kita faham benar-benar ialah bahawa Negara adalah punca utama kebaikan dan keburukan dalam mana-mana masyarakat. Bagi para pengikut Muhammad hal ini tidak perlu lagi ditegaskan. Sebab, adalah amat mustahil bagi orang Islam untuk tidak tinggal dalam Negara Islam atau tidak berjuang menegakkan Negara Islam. Sekiranya hal Negara Islam ini tidak tertunai saya takut barangkali bahawa inti Sunnah Rasulullah telahpun kita tinggalkan. Sebab hasil akhir Sunnah ialah Negara Islam Madinah. Seruan Islam lengkap bukan hanya dengan Al-Quran tetapi juga pembentukan Negara melalui perjuangan menentang kuasa kufr yang kukuh. Negara Islam adalah sebahagian dan bahagian utama penting dalam Islam. Malahan Islam itu tidak lengkap tanpa negara Islam. Islam bukannya satu senarai ritual peribadi sebab Islam ialah rancangan Maha Perancang. Islam ialah arahan dan ketentuan bagi seluruh manusia. Seorang Muslim tidak boleh hidup sempurna secara bersendirian ataupun berusaha mencapai taqwa secara berseorangan. Negara ummah ialah kerangka terpilih Allah bagi orang Islam mencapai matlamat moral, politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan.

Perkara yang disebut tadi adalah biasa bagi orang Islam. Sungguhpun terdapat banyak, kekeliruan tentang bagaimana Negara Islam itu dibentuk. Secara zahir jawapan soalan sepatutnya senang dan mudah difahami oleh semua orang Islam.

Kita seharusnya jelas dengan kaedah kerja Pesuruh Allah seperti jelasnya kita dengan ayat Al-Quran. Kekeliruan tentang kaedah Islam membentuk negara Islam sebahagian besarnya walaupun tidak semuanya, adalah disebabkan oleh belunggu politik barat ke atas masyarakat Islam. Apabila sudah berada di bawah telunjuk politik asing, masyarakat Islam mula mengeluarkan pimpinan politik, intelektual dan falsafah. Mereka inipun sebenarnya pimpinan hasil cetak pertuanan Barat. Malah patut sekali disedari bahawa Barat tidak pernah puas dengan kejayaan tanpa saingan menakluki struktur politik, sosial dan kebudayaan masyarakat Islam yang sedia ada itu.

Cita-cita kolonial barat termasuklah menghapuskan dan menghancurkan segala institusi yang ada dalam tradisi masyarakat Islam. Kuasa kolonial membentuk negara kolonial mengikut contoh Negara Eropah. Negara kolonial ini mengambil segala gaya institusi dan struktur Eropah: pentadbiran, ketenteraan, ekonomi, sosial, kebudayaan dan pelajaran. Penduduk koloni hanya akan diberi kemajuan, peluang dan penyertaan mentadbir dalam order baru itu sekiranya mereka mempelajari bahasa Eropah, memperolehi pendidikan Barat di universiti gaya Eropah selain mengambil segala cara hidup serta tingkah laku Eropah. Selepas ini sekiranya penduduk koloni masih mahu mengamal ajaran Islam bagi kebahagiaan diri, para penguasa Eropah tidak peduli lagi.

Golongan kelas penduduk koloni berEropah ini juga digalakkan supaya menanti saat kemerdekaan negara mereka tiba. Saat itu kuasa akan diserahkan kepada golongan Eropah baru. Sebelum golongan ini layak ber-

tindak sebagai golongan yang memperjuangkan kemerdekaan, mereka digiring supaya harus dan mesti menjadi nasionalis. Mereka ini menggalakkan golongan nasionalis supaya mengambil Islam sedikit sebelum diadun dalam politik sekular. Ini adalah penting bagi tujuan komunikasi dengan golongan massa Islam mereka yang terkebelakang. Dengan itu kitapun dikurniakan dengan bapa-bapa kemerdekaan yang dikebumikan di rumah kubur mahal di ibu negara. Setengah-setengah mereka ini di sebut sebagai pahlawan. Kemerdekaan yang kita diwariskan oleh itu telah dan terus berfungsi sebagai kesinambungan negara kolonial Eropah.

Hal ini telahpun saya kata dan tulis berulang kali dalam tempoh 10 tahun ini. Negara kolonial ini dikenali sebagai negara kebangsaan dan digantung dengan sederet senarai kebangsaan: sempadan, bendera, lagu, bahasa, pakaian, kebudayaan, kapal terbang dan sejarah. Yang paling di atas sekali sekali sebenarnya ialah kepentingan kebangsaan. Setiap nasion baru dihuraikan dalam istilah yang khusus. Tidak ada dua negara kebangsaan yang mempunyai kepentingan kebangsaan yang serupa. Kesan negara kebangsaan ini ke atas ummah Islam amatlah membinasakan. Peta politik Ummah hari ini adalah gambaran pesemestaan sistem negara kebangsaan.

Gambaran ini ialah gambaran kekalahan dan goyahnya kuasa politik Islam. Ia juga menggambarkan bahawa kekuasaan berterusan Barat ke atas politik ekonomi, sosial, dan kebudayaan negara dan orang Islam. Jatuhnya (sementara) Palestin ke tangan Zionisme adalah hasil cerai berainya Ummah dalam negara kebangsaan. Malah tragedi yang paling besar ialah wujudnya parti Islam kebangsaan. Di dunia hari ini tidak ada satu parti jenis ini yang berjaya walaupun dalam bentuk sederhana mencapai matlamat negara Islam. Tidak ada satu parti politik Islam yang telahpun berjaya membentuk walaupun sedikit apa yang dikatakan sebagai

negara Islam itu. Saya berpendapat bahawa parti Islam masih dan terus wujud sebagai hasil istimewa zaman kolonial. Apa yang perlu kita kenal ialah bahawa para pembangun parti Islam ialah manusia yang bijak pandai, berwibawa dan taqwa, banyak buku yang ditulis dalam zaman ini memperkayakan khazanah ilmu Islam. Akan tetapi ilmu, kewibawaan dan taqwa personaliti dalam sejarah Islam baru ini tidak boleh digunakan sebagai pembela terhadap rekod serta peranan parti politik yang mereka tubuhkan.

Pendirian The Muslim Institute selama lebih 10 tahun ini ialah bahawa kemajuan untuk kebangunan Islam adalah tidak mungkin dilakukan dalam kerangka negara kebangsaan selepas merdeka. Haluan ummah dan pergerakan Islam dalam ummah telah dihadap oleh negara kebangsaan. Negara kebangsaan adalah laksana batu pejal besar yang merintang jalan kita akibat kejahatan sejarah lampau.

Semua negara bangsa yang menduduki dan memeras hasil bumi selain memperbudakkan ummah mesti dirungkai ikatannya. Sebab yang memberi nyawa dan hormat pada nasionalisme ialah negara bangsa. Nasionalisme bukanlah idea yang mendahului manifestasi politiknya. Dengan beberapa kekecualian, idea nasionalisme, telah dikobarkan secara palsu bagi memper-tahankan tempelan luar yang dipaksakan ke atas negara. Idea Negara yang berasaskan nasionalisme adalah amat asing bagi orang Islam hinggakan setiap negara kebangsaan ummah adalah tidak stabil, lemah dan sentiasa sahaja mahu hancur. Semua negara kebangsaan orang Islam hari ini ditegakkan dengan kaedah campuran ubat: menekan di dalam negeri dan bergantung sokong di luar negeri. Malah yang memberi negara itu nafas untuk hidup ialah bantuan tentera dan ekonomi yang kerap dari negara imperialis luar. Tidak ada satu negara ini yang berjaya menyelesaikan masalahnya ataupun masalah

rakyatnya. Oleh sebab negara ini tidak mempunyai umbi dalam sejarah Islam ataupun sejarah rakyatnya, hal ini merungkai nasionalisme tidaklah sukar.

Manakala usaha merubah bentuk negara kebangsaan yang sedia ada ini kurang sukar, kerumitan akan terjadi apabila persoalan konseptual dan organisasi timbul. Ini berkait rapat dengan sifat dan organisasi pergerakan Islam, dengan peta politik ummah selain tranformasi politik, ekonomi dan sosial ummah. Sebenarnya inilah yang akan kita cuba adakan. Maka perlulah kita sedar bahawa perubahan yang kita anjurkan ini adalah tranformasi besar yang pernah dilakukan dilihat oleh komuniti dunia. Malah adalah jelas bahawa ummah mesti bermaksud satu pergerakan Islam yang menganjur kepada satu Negara Islam di bawah seorang Imam-/Khalifah.

Berdasarkan pendirian kita hari ini harapan kepada satu Negara Islam di bawah seorang pemimpin adalah amat sukar untuk dicapai kerana kebanyakan orang menganggap matlamat itu melampaui batas kenyataan. Oleh itu bagi kita yang percaya dengan kenyataan umum bahawa bersatunya ummah pada semua peringkat sebagai satu set matlamat yang boleh dicapai mestilah teliti. Ia penting sekiranya kita tidak mahu disebut sebagai naif, pengkhayal yang tidak masuk akal yakni yang gemar berbincang dalam absurd dan bukannya hal yang nyata.

Sebelum kita menelusuri lebih jauh lagi kita mesti melangkah ke hadapan dan mendesak para ulama dan intelektual Islam mengemukakan satu sistem pemikiran yang tegas. Ini boleh dilakukan melalui pemerhatian dan percubaan. Al-Quran dan Sunnah akan melimpah ilmunya dengan banyak apabila kemampuan kita untuk menggunakan dan menerimanya berkembang. Menurut hemat saya orang Islam amat jauh dari menggunakan Al-Quran dan Sunnah dalam membentuk program bagi pembentukan ummah yang dirasakan hari ini. Dalam

zaman perluasan cepat daerah kuasa Islam selain zaman dominannya politik dan kebudayaan Islam pentingnya transformasi ini tidak dirasakan langsung. Perubahan fizikal dan politik dirasakan sebagai transformasi.

Dalam zaman ini para ulama Islam memberi perhatian penuh untuk menulis segala tafsir mengenai ayat Allah. Andaian mereka ialah segala kehinaan yang ada dalam ummah boleh diperbaiki dengan keluasan faham isi Al-Quran. Sudah tersurat bahawa Quran itu lautan ilmu yang tidak akan kering. Pengarang moden hari ini telah menunjukkan bahawa ayat Al-Quran yang dahulunya samar-samar kini sudah terang maksudnya hanya kerana manusia telah mencipta teropong jauh, telah membuat analisis dalam biologi, ilmu bintang, fizik, kimia dan geologi.³ Penemuan makna ayat Al-Quran ini tidak akan ada dalam tafsir bagi beberapa tahun yang datang ini.

Selain itu kita terpaksa menanti beberapa lama sebelum seminari khusus agama dapat menyesuaikan diri dengan pengetahuan saintifik bagi menjelaskan kefahaman tentang Al Quran. Al Quran sememangnya tidak akan berubah dan tetap terpelihara sehingga akhir zaman. Kefahaman tentang Al Quran boleh ditingkatkan dengan kefahaman tentang proses sejarah, pengalaman dan keupayaan kita menerima selain memanfaatkan ilmu baru. Begitu juga dengan Sunnah Rasulullah. Sunnah adalah rekod transformasi sepenuhnya negeri dan masyarakat Hejaz selama 23 tahun. Hejaz semasa itu cuma satu kawasan geografi yang kecil dengan bilangan penduduk yang tidak ramai. **Ummah** pada masa ini cuma berada dalam lingkungan kawasan negeri Madinah. Oleh itu dari Sunnah yang hanya merubah Hejaz kita perlu merangka program bagi transformasi **ummah** secara mendunia. Sebagai tambahan perlu sekali kita ingat bahawa ummah yang ingin kita ubah ini terpecah dalam 50 negara kebangsaan; tiap satunya mengakui berdaulat dan merdeka walaupun sebenarnya tunduk kepada **kufr**.

Kita seharusnya jangan merendahkan-rendahkan kuasa negara kebangsaan dan pimpinan elit mempergunakan emosi nasionalis bangsanya. Hanya setahun lalu apabila saya berkata sempadan kebangsaan antara negara orang Islam seharusnya tidak wujud dan semestinya dibuka akibat negara kebangsaan menjadi negara Islam, media regim Pakistan tersentak. Dengan cepat saya dituding sebagai penganjur untuk menghancurkan Pakistan; Media Jama'at-e Islami, Pakistan pula menuduh saya sebagai antinasional selain menjadi kakitangan kuasa asing. Dengan itu segala batu besar halangan nasionalisme dan negara kebangsaan rupanya hidup; kedua-duanya adalah gambaran kuasa penggerak **nifāq** selain tafsiran jelas yang dikelabukan oleh cogan parti Islam. Halangan pada jalan Islam ini dibantu dan dipersenjatai oleh kuasa **kufr** sedunia. Malah **kufr** menegaskan hal untuk memerangi Islam pada semua peringkat. Sehubungan ini Islam juga menyuruh umatnya memerangi kuasa **kufr** sehingga berjaya (dengan izin Allah).⁴

Bagi diri kita hal konflik dalaman dan konflik luaran tidak ada. Yang ada dalam ummah ialah konflik dalaman dan luaran yang mencengkam kuat secara serentak. Ini cukup memudaratkan kerana satu batas sempadan antara Islam dan musuh tidak pernah jelas dan pasti. Yang berada dalam masyarakat Islam yang menerima keagungan politik, sosial, kebudayaan dan ekonomi Barat bukanlah hanya raja kita, pemimpin kita, jiran kita tetapi kerapnya ahli keluarga kita. Oleh itu konflik yang kita hadapi hari ini adalah pukulan maut bagi semua orang Islam. Tidak ada seorang Islam pun yang dapat melarikan diri dari menerima kesannya. Konflik ini akan menghambat setiap orang untuk memberikan kesannya. Masalahnya bukan masalah pilihan untuk atau tidak terlibat dalam konflik-konflik ini; yang menentang Islam sudahpun mengisytiharkan perang ke atas Islam. Manifestasi terbesar pengisytiharan ini ialah era nasionalisme dan negara kebangsaan. Tidak ada lagi tolak

ansur, tidak ada lagi akomodasi dan tidak ada lagi aman dalam dunia Islam selagi ada sezarah nasionalisme dalam masyarakat kita. Tidak ada satu program bagi transformasi ummah yang lebih nyata ataupun didasarkan kepada Al Quran dan Sunnah Nabi selain kita menghalau hantu nasionalisme berserta dengan segala manifestasi politik, sosial, kebudayaan dan ekonominya.

Sepanjang yang saya ketahui transformasi ummah dari keadaan sekarang kepada keadaan yang Islam inginkan tidak pernah dinyatakan sebagai set matlamat yang perlu dicapai. Pemikiran politik orang Islam dalam tempoh 200 tahun kebelakangan ini hanyalah sebagai timbal balas terhadap jatuhnya kuasa politik Islam selain sebagai aksi terhadap kemunculan Barat sebagai kuasa politik dan tamadun dunia. Kemajuan sains, teknologi dan ekonomi yang dibawa oleh Barat amat menyilaukan mata para pemikir Islam hinggakan "kemajuan" itu ditakrifkan sebagai sesuatu yang amat perlu bagi masa depan masyarakat orang Islam. Banyak tenaga digunakan bagi menyesuaikan "kemajuan" ini dengan Islam. Dalam usaha menyesuaikan kemajuan cara Barat dan Islam ini, fahaman nasionalisme, kapitalisme, demokrasi dan sosialisme diberi pakaian Islam. Usaha sedemikian terus berjalan hari ini melalui proses program Islamisasi. Program ini sebenarnya tidak merubah landasan yang dipilih iaitu kemajuan atas dasar Barat. Betapa kukuhnya idea tentang penyesuaian Islam dengan Barat ialah dukungan hebat parti-parti Islam terhadap program Islamisasi di negara-negara kebangsaan orang Islam. Dalam negara-negara ini pemimpinnya adalah sekular dan tunduk kepada Barat. Selain itu terdapat juga golongan **penegak Islam** yang berpendapat bahawa Amerika Syarikat ialah sahabat Islam dan sekutu akrab menentang komunisme murtad.⁵

Sebelum itu kita mesti sedar bahawa perbincangan tentang transformasi sepenuhnya tidak mudah difahami selagi tidak berpendirian bahawa antara Islam dan Barat

itu tidak ada rasa harmonis. Setelah memilih barulah jiwa, jasmani dan sejarah bagi satu transformasi sepenuhnya timbul. Dengan itu satu keperluan logik bagi ummah lahir.

Dalam suasana sejarah hari ini pengisytiharan bahawa tamadun Islam tidak secocok dengan tamadun Barat adalah suatu langkah bagi membebaskan penjajahan psikologi Barat dari diri kita setelah sekian lama. Pengisytiharan ini mengerah kita menunjukkan bukti bahawa kita tidak pernah cocok dengan Barat; kita perlu mengerah untuk memberi definisi matlamat tamadun dalam lingkungan, dan hanya Islam; selain itu kita perlu nyatakan pilihan lain bagi menggantikan fahaman keramat Barat yakni kapitalisme, sosialisme dan demokrasi; ia juga menyebabkan kita perlu sekali mencari jawapan terhadap masalah kemunduran, kemiskinan dan kekayaan. Kuasa Islam dalam dunia sebenarnya boleh dikembangkan dan digerakkan hanya jika sumber kekuatan itu ada dalam alun-alun Islam. Contohnya, kuasa tentera yang banyak bergantung kepada dunia Barat tidak dapat digunakan untuk keagungan Islam. Tentera dan pegawai askar yang hanya berjuang untuk wang tidak akan berperang untuk Islam. Mereka tidak akan menggadai nyawa untuk Islam. Mereka ini takutkan mati. Akan tetapi tentera yang **muttaqi** akan menyabung nyawa walaupun dengan senjata ringan sungguhpun musuh itu kuat, bersenjata berat dan profesional sifatnya. Kemahuan dan azam massa orang Islam yang dikerah di bawah pimpinan **muttaqi** akan menjadikan negara Islam suatu tenaga yang tidak lut. Bandingkan hal ini dengan negara kebangsaan moden-rakyatnya berpecah belah akibat parti politik yang bersaing. Parti-parti ini diketahui oleh golongan berkepentingan ataupun askar profesional yang kemudiannya bertindak sebagai regim penindas yang paling zalim dalam sejarah. Dalam negara kebangsaan yang dicipta oleh Barat, golongan kelas penguasa dan parti Islam

mengesahkan bahawa Islam itu cocok dengan Barat. Dalam kata lain sistem politik dalam negara kebangsaan mengabdikan diri kepada tuan Barat. Ekonomi negara-negara ini juga terikat kuat dengan sistem kapitalis dunia. Dengan itu jalan **ummah**, bukan hanya penuh dengan duri nasionalisme tetapi juga hutan lebat peradaban Barat.

Nasionalisme adalah tunggak peradaban Barat. Dengan itu adalah mustahil untuk berbicara mengenai nasionalisme semata. Jelaslah jalan pembentukan ummah yang menyeluruh amat panjang. Kita tidak dapat menyimpang jauh dari haluan asal jika tempohnya pendek dan kita jauhi tidak akan kembali ke tempat bermula hanya setelah bergerak semalaman. Oleh itu apabila kita berkata hal pembentukan **ummah** secara menyeluruh, kita sebenarnya sedang berbicara tentang proses membuat sejarah yang memerlukan perhatian kita selamanya. Walau bagaimanapun, perubahan arah orang Islam yang amat perlu mestilah termasuk hal menolak nasionalisme dan melahirkan gerakan Islam di seluruh dunia. Selain itu umat Islam juga perlu menolak negara kebangsaan, dan kesempurnaan rasa hormat tinggi kepada Barat. Malah umat Islam perlu menolak pendapat mereka yang beranggapan bahawa Barat adalah amat sesuai dengan Islam.

Pengisytiharan tentang tidak cocoknya Barat dan Islam akan menimbulkan soalan yang kerap saya sebut pada masa lalu; masalah kepimpinan. Setelah mengambil langkah yang memisahkan Islam dan Barat, kita juga perlu jelas bahawa golongan sarjana pendidikan Barat tidak mempunyai fungsi dalam kepimpinan pergerakan Islam. Apabila saya menyebut hal ini pada masa lalu, ia menjadi tema utama saya untuk beberapa tahun. Saudara seagama saya beranggapan bahawa saya ini terlalu berangan-angan dan gopoh. Mereka bertanya, tunjukkan contoh tentang **ulama** yang dapat menjadi pemimpin gerakan Islam. Soalan ini memerlukan

jawapan yang teliti.

Bagi mereka yang berfikir begini akan beranggapan bahawa saya menolak sama sekali orang Islam yang berpendidikan Barat dari gerakan Islam. Ini adalah salah. Saya percaya bahawa semua orang Islam, biarpun berpendidikan Barat mempunyai fungsi dalam gerakan Islam. Ini termasuklah orang-orang yang mendapat pendidikan di sekolah, kolej dan universiti Barat. Akan tetapi para golongan ini yang ilmunya memungkinkan mereka terlibat dalam politik, sosial, ekonomi, kebudayaan, pentadbiran, tentera mesti sedar bahawa sistem inilah yang kita ingin hancurkan. Pendidikan Barat telah menjadikan seseorang sombong dan bongkak. Dalam semua masyarakat orang Islam, golongan inilah yang menjadi golongan penguasa. Mereka ini dilatih dan dididik bagi menguasai selain menindas rakyat mengikut gaya kaum kolonialis Barat. Dalam kata lain golongan kelas elit pendidikan Barat hari ini adalah anak-anak cucu ataupun cicit para penjempit kolonialis Barat ataupun para golongan yang bersubahat dengan Barat. Malah melalui tindak tanduk golongan inilah masyarakat kita mengalami kerosakan besar akibat perlakuan kolonialis Barat.

Di semua tempat di dunia sekarang golongan kelas ini menguasai rejim dan kerajaan. Rejim dan kerajaan ini seboleh daya berikhtiar melumpuhkan tenaga Islam dalam politik negara. Akan tetapi memang ada banyak para sarjana didikan Barat ini yang mempunyai ijazah dalam bidang Islam yakni seperti orang lain yang mempunyai ijazah dalam bidang perubatan, undang-undang, sejarah dan lain-lain. Peranan utama golongan ini hanyalah bersifat apologetik. Para "sarjana" Islam ini cuba menulis buku "ekonomi Islam", "politik Islam", "liberalisme Islam" dan sebagainya. Mereka ini ialah golongan tolak-ansur yang cuba membuktikan bahawa Islam itu secocok dengan cita-cita sekular mereka selain minat Barat. Dalam parti-parti Islam, pucuk pimpinan-

nya banyak sekali yang menjadi “penerap Islam” ini. Di Iran, golongan individu dan kumpulan yang kebaratan ini telah diberi peluang menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan Negara Islam. Apa yang mereka lakukan? Mereka cuba merampas kuasa. Mereka malah cuba membina semula negara Islam yang liberal dan demokratik yakni dalam model negara kebangsaan beserta beberapa ciri Islam yang letih merupakan satu hiasan atau tempelan solek. Akan tetapi sekarang ini topeng golongan nasionalis, liberal, komunis, **munafiqeen** sudah terbuka dan dikoyak. Sementara itu ribuan golongan pemuda yang dipengaruhi Barat pula memberi khidmat mereka yang terbaik untuk Revolusi Islam dan negara Islam.

Salah satu ciri penting golongan elit berpendidikan Barat ialah hal kegagalan para pengikut mereka memahami apakah tugas mereka yang sebenar. Bagi golongan massa ini, peranan hanya ada pada pemimpin. Jelasnya mereka ini dilahirkan untuk menjadi pemimpin pada masa kuasa asing dan tamadun luar menjadi amat agung di mata kita. Peranan pemimpinnya tertakluk kepada kawalan serta telunjuk Barat. Kita sebenarnya tidak menemui sebarang negara Islam yang berjaya melepaskan diri dari cengkaman Barat. Barat mencengkam melalui para pemimpin tempatan. Para pemimpin ini sebenarnya merupakan pemimpin pilihan Barat sebab Barat telah menentukan siapakah yang patut menjadi pemimpin kita. Apa yang kita temui ialah bahawa dalam era lepas-kolonial banyak sekali kawasan **ummah**, yang begitu tunduk kepada Barat melebihi tingkat masa kolonialisme langsung dahulunya. Malah pemimpin yang menggelar diri mereka sebagai pemimpin pembebas negara ataupun yang diberi gelar sebagai bapa kemerdekaan adalah manusia abdi tunggangan Barat yang paling patuh pernah lahir dalam **ummah**. Mereka dan pengganti-penggantinya adalah manusia yang sangat takut kepada Barat melebihi takutnya

kepada Allah Subhanahu wa taala. Dalam perjuangan menentang **kufr**, mereka dan para pengikut kerap kali mengambil peranan politik sebagai golongan **kufr** dan **shirik** menentang Islam. Mereka akan menjadi alat kelengkapan perang dunia Barat menentang Islam dan pergerakan Islam. Malah hal semua negara kebangsaan yang memecah belahkan ummah hari ini berdiri di belakang Saddam Husain bukanlah suatu kebetulan. Begitu juga bukanlah satu kebetulan apabila dua kuasa dunia berada dalam satu pihak. Perbezaan dan tidak semainya Islam dan Barat telahpun kita kenalpasti; matlamat kita yang inginkan pembentukan ummah yang menyeluruh begitu kita harapkan, dengan itu kita perlu mencari pimpinan yang secocok dengan matlamat ini. Pimpinan sedemikian hanya boleh muncul dari dalam Islam sendiri dan bukan dari golongan **ummah** yang telah dicemari oleh pengaruh asing. Sekira manusia **ulama** itu tidak ada, kita perlu tunggu sehingga ia ada. Sungguhpun begitu saya percaya **ulama** itu ada. Apa yang benar mengenai kebanyakan **ulama** ini ialah mereka banyak terikat dengan regim sekular. Mereka dan institusi masing-masing bergantung kepada penaaungan resmi. Dengan itu mereka tidak layak untuk berjuang menentang dan menghancurkan sistem yang kita benci itu. Selain itu ada pula ulama yang gagal memahami keadaan politik semasa **ummah** di dunia hari ini. Mereka begitu taksub dan terperangkap dalam usaha mempertahankan asas ajaran dan tingkah laku agama Islam yang secara umumnya telah diketahui **ummah**. Ini mereka dapati setelah membuat pilihan untuk tidak mencabar kuasa politik **kufr**. Ulama sebegini hanya bergerak dalam lingkungan terhad yang ditetapkan oleh kebebasan beragama dalam sistem **kafir**.

Dalam era lepas-kolonial, terutamanya dalam tempoh 30 tahun kebelakangan ini, setengah-setengah ulama ini (berserta pertubuhan masing-masing) telah menerima bantuan kewangan yang berlipat ganda dari negara-

negara minyak Arab. Ini menjadikan para ulama dan pengikutnya semakin menjadi kanak-kanak yang sangat patuh dan tunduk berbanding pada masa kolonialisme langsung Eropah. Setengah-setengah ulama ini, terutamanya di India sebelum merdeka telah menentang golongan orang Islam berpendidikan sekular Barat tetapi gagal menyediakan pilihan bagi menentang **kufr** yang kukuh. Dengan itu massa Islam meninggalkan ulama-ulama ini. Malah mereka tidak lagi memperdulikan pilihan yang dikemukakan oleh parti-parti Islam.

Hari ini keadaan sejarah telah berubah. Ada massa Islam di sebuah negara yang ulamanya bangun menentang kuasa **kufr** dan berjaya lalu membentuk Negara Islam; selain itu regim lepas-kolonial telah dibuka topeng dan diperjelaskan kepada orang ramai bahawa inilah alat politik yang dijajah **kufr**. Malah adalah benar bahawa **ulama** yang patuh kepada Barat berserta dengan parti-parti Islam mereka berusaha mempertahankan **status-quo** tetapi adalah benar juga bahawa banyak orang biasa dan ternama yang yakin tentang perlunya Revolusi Islam di semua kawasan orang Islam di dunia dalam rangka untuk maju ke hadapan. Hal tidak relevannya golongan ulama yang kecut dan parti Islam yang berlandaskan sekular ini memang disedari oleh banyak orang. Dengan itu satu gerakan Islam secara mendunia akan memberikan keyakinan baru kepada ummah. Harapan dan optimisme ummah bagi menghadapi masa depan. Bukti mengenai kemunculan baru Islam ini dirasai oleh ummah merata tempat - di rumah, dalam keluarga, di bandar dan negara di seluruh dunia. Rasa perpaduan ummah ini melampaui batas nasionalisme, bangsa, negara dan keturunan ataupun mazhab. Hal ini adalah benar bagi golongan Shiah dan Sunnah. Walaupun ada usaha sekarang untuk melaga-lagakan kedua mazhab, sudah diketahui umum bahawa golongan Sunnah dan Shiah telah terjadi semenjak Revolusi Islam terjadi yakni melebihi ikatan pada masa-masa lalu.

Malah sepanjang yang saya ketahui hubungan rapat antara kedua mazhab ini telah berlaku dalam dunia Islam. Saya sedar betapa **ulama** kedua-dua mazhab telah duduk semeja berbincang bersama-sama pada kebanyakan tempat di dunia. Di seluruh dunia hari ini telah muncul para ulama, intelektual, pelajar dan lain-lain yang nama mereka tidak dikenali ramai. Kita mesti sedar bahawa akhbar dan media dunia dikawal oleh musuh Islam. Media gerakan Islam pula masih di peringkat permulaan. Malah segala hal mengenai gerakan Islam pun masih baru. Sungguhpun begitu satu fasa baru dalam sejarah Islam telah dilahirkan. Salah satu khazanah terbesar gerakan Islam baru ialah Revolusi Islam di Iran; negara Islam didirikan di Iran; kepimpinan ulama lahir di Iran, dan yang pentingnya ialah kepimpinan Imam Khomeini. Bagi mengikuti jejak langkah Revolusi Islam di Iran, ummah di luar Iran perlu melahirkan kepimpinan yang patinya ialah **ulama**. Kemunculan kepimpinan sememangnya satu proses kompleks yang perlu diteliti dengan terperinci pada masa-masa tertentu. Apa yang perlu kita sedar ialah bahawa gerakan Islam baru bergerak untuk mencapai matlamat pembentukan ummah yang menyeluruh. Dengan itu baik buruknya kepimpinan akan ditentukan oleh perjuangan yang dipimpinnya.

Sememangnya tidak ada sebarang keraguan bagi saya untuk menyatakan bahawa pembentukan **ummah** memerlukan perjuangan yang menyeluruh di semua peringkat dan bidang aktiviti manusia. Perjuangan kita ialah perjuangan spiritual, falsafah, politik, sosial, kebudayaan, ekonomi, saintifik dan ketenteraan. Oleh sebab kita memerlukan pembentukan ummah secara total mendunia, perjuangan ini perlu dilakukan di semua peringkat dan di semua tempat di seluruh dunia. Perjuangan yang melibatkan banyak bidang ini memang menimbulkan banyak masalah. Di setengah-setengah tempat seperti di Iran, **ummah** mungkin telah mencapai

peringkat yang lebih matang. Malah di Iran, sebuah negara Islam dengan seorang Imam telah wujud. Di tempat-tempat lain perjuangan ummah baharu sahaja bermula.

Sudah lama saya berpendapat bahawa apabila sahaja negara Islam terbentuk, ia secara definisinya membawa makna bahawa ia adalah pimpinan ummah dan gerakan Islam. Setiap orang Islam mesti taat setia kepada Negara Islam. Saya berpendapat hal ini bukan hanya bersifat keperluan fungsional tetapi juga sebagai satu Ordinan Suci. Saya pernah berkata bahawa Islam tidak lengkap tanpa Negara Islam. Sehubungan ini kehidupan orang Islam tidak akan lengkap tanpa taat setia kepada khalifah ataupun Imam. Saya yakin Imam Khomeini tidak pernah menganjurkan dirinya supaya diberi **ba'ya** umum oleh ummah. Alasannya bukanlah sukar untuk difahami. Akan tetapi ini tidak menghalang kita dari menganggap bahawa Negara Islam Iran dan Imam sebagai pemimpin gerakan Islam dunia. Malah adalah amat penting bagi kita untuk menyedari bahawa negara Iran pun masih dalam proses pembentukan ummah. Barangkali, Iran masih lagi berada dalam peringkat awal.

Dalam satu seminar di London lima tahun dahulu saya pernah berkata bahawa negara Islam yang muncul selepas 1300 tahun hanyalah satu "model ideal primitif". Jelaslah bahawa terdapat banyak peringkat pembentukan ummah. Peringkat pertama pembentukan ummah dalam negara Islam hasil berjayaanya Revolusi Islam adalah berbeza dari peringkat pertama **ummah** tempat lain yang masih jauh dari Revolusi Islam. Alat bagi pembentukan ummah hanyalah gerakan Islam secara mendunia. Kaedah gerakan yang terbaik ialah **Sirah** Rasulullah. Setelah berjuang sebegitu lama, pembentukan ummah akan mencapai kemuncak apabila Revolusi Islam dicetuskan. Revolusi Islam adalah peringkat apabila gerakan Islam menukarkan kawasan atau negeri menjadi Negara Islam. Negara Islam selepas itu akan cuba

dihancurkan oleh musuh dalam dan luar Islam. Setelah beberapa lama Negara Islam berjaya menumpaskan musuh-musuhnya, dan seterusnya menguasai keadaan. Setelah itu dalam satu tempoh tertentu, pembentukan ummah akan dilakukan pada semua peringkat sehingga **muttaqi** sebenar lahir dan masyarakat adil wujud. Dengan itu kita dapat nyatakan ada beberapa peringkat penting dalam sejarah perjuangan dan selanjutnya menghubungkannya dengan Sirah Nabi.

Peringkat pertama ialah peringkat perjuangan menentang segala halangan besar. Dalam **Sirah** ia dikenali sebagai **masa Mekah**. Dalam peringkat ini, yang mengambil masa 13 tahun, terdapat beberapa fasa penting. Semasa ini gerakan Islam adalah lemah dan kecil. Oleh itu tidak ada alasan yang boleh orang lain percayai bahawa gerakan itu akan berjaya menumpaskan golongan yang kuat dan bertamadun itu. Akan tetapi kuasa dan kesombongan golongan yang menjadi penguasa berbanding dengan gerakan Islam yang secara relatifnya lemah tidak membuatkan **ummah** untuk tunduk dan bertolak ansur dalam segi keyakinan, idea, kaedah dan matlamat. Malah dalam **zaman Mekah** ini, gerakan Islam secara nyata memberitahu bahawa sistem kepercayaan serta pemerintahan yang ada itu adalah zalim. Oleh itu perlu sekali dihancurkan. Semasa ini gerakan Islam hanyalah individu Islam di sana sini selain amat terdedah kepada penindasan serta kezaliman yang tidak ada tara.

Dalam **zaman Mekah** baru hari ini, yang kebanyakan ummah menjadi anggotanya, gerakan Islam perlu men-takrifkan kedudukannya secara jelas, terang dan pasti. Asas pengisytiharan kita ialah - 'tidak ada **ilah** selain Allah, dan ia seharusnya dihubungkan dengan penyembahan objek moden yang ada dalam sejarah hari ini. Pada masa Rasulullah, pengisytiharan itu difahami oleh orang Quraisy Mekah sebagai tanda perlawanan terdapat berhala-berhala di sekeliling Kaabah. Malah mereka

pasti bahawa ini adalah cabaran langsung terhadap sistem pemerintahan, autoriti dan hierarki pemerintah Mekah semasa itu. Dengan demikian gerakan Islam hari ini perlu membuat pengisytiharan yang sejelas itu. Misalnya kita mesti nyatakan bahawa dalam dunia ini hanya ada dua blok, iaitu blok Islam dan blok **kufr**. Orang Islam adalah satu **ummah**, dan orang kafir adalah satu **millat**. Dengan itu tidak ada **millat** ketiga dalam dunia hari ini. Selain itu **ummah** Islam tidak membezakan kerakyatan sebagai asas undang-undang, kenegaraan ataupun kedaulatan. Dalam kata lain tidak ada persesuaian antara peradaban Islam dan **kufr**.

Apabila pengisytiharan telah dibuat oleh gerakan Islam secara mendunia, ia juga bermakna bahawa semua tunggak tamadun Barat, seperti demokrasi sosial, kapitalisme, sosialisme, liberalisme, republikanisme, marxisme, anarkisme, populisme, berbilang bangsa, majmuk, persekutuan, dan sebagainya perlu diruntuhkan sebab ia adalah darah daging **millat kufr**. Semua idea, kepercayaan dan falsafah ini kerapnya diberi topeng **sains** ataupun **kemajuan** selain digerakkan melalui institusi. Institusi paling tinggi yang menjadi topeng ini ialah negara kebangsaan. Semua negara kebangsaan hari ini termasuklah yang ramai penduduk Islamnya, adalah **ipso facto** iaitu sebahagian dari rantai taklukan **kufr** seluruh dunia.

Tidak ada kecuali dan tidak dapat diragukan lagi bahawa demokrasi moden ialah fahaman Islam. Malah tidak perlu dibahaskan lagi kerana dalam Islam ada **syura**; sebabnya Islam membolehkan pengumpulan harta peribadi, kapitalisme moden adalah fahaman Islam; sebab Islam menjamin persamaan hak, dalam Islam ada sosialisme dan sebagainya. Kita mesti mencabut segala akar umbi Barat sebelum kita dapat menanam benih Islam. Inilah maksud sebenarnya pengisytiharan bahawa tidak ada **ilah** melainkan Allah.

Dalam minda yang jelas berserta dengan matlamat

utama yang tidak terpisah-pisah, Rasulullah berjaya melahirkan gerakan Islam yang kuat di Mekah. Selepas langkah ini diambil, selain langkah-langkah yang disebut dalam **Sirah**, gerakan Islam yang pertama dalam bentuk organisasi teratur bergerak memberi cahaya kepada dunia. Semuanya bermula dari tingkah laku tegas, yang diambil di Mekah yakni yang akhirnya merubah negeri Hejaz seluruhnya. Sehubungan ini langkah yang sama apabila diambil oleh gerakan Islam hari ini akan membawa kepada pembentukan ummah yang menyeluruh, malah satu transformasi total masyarakat dunia.

Sungguhpun begitu ada satu syarat yang perlu kita ingat: gerakan Islam secara global tidak akan dapat mengambil langkah pertama tanpa seorang pemimpin. Syarat ini tidak dapat dipenuhi dan tidak boleh ditemui pada masa-masa parti gerakan Islam ataupun parti Islam masih bersifat tempatan, wilayah ataupun kebangsaan. Pada hari ini telah muncul seorang pemimpin yang telah berjaya mencapai peringkat peralihan **ummah** antara masa Mekah dan pembentukan negara Islam. Peralihan ini dapat dicapai melalui pimpinan **muttaqi** ulama Iran, yang salah seorangnya ialah **imam**. Tidak ada seorang lain pun penjawat politik dalam dunia Islam hari ini yang boleh mencapai syarat menjadi pemimpin gerakan Islam di seluruh dunia. Hanyalah satu kebetulan bahawa pengisytiharan tidak cocoknya Islam dan **kufir** menjadi titik permulaan gerakan Islam di Iran. Salah satu ciri Revolusi Islam di Iran⁶ ialah pembasmian kuasa, pengaruh, kawalan serta kebudayaan **kufir** secara tegas dan tanpa belas kasihan.

Sememangnya terdapat perbezaan yang nyata antara **masa Mekah** di Mekah dan **masa Mekah** hari ini. Di Mekah dahulunya, semasa Rasulullah menjadi pemimpin bilangan **ummah** adalah kecil. Dengan itu makna dan komitmen pengisytiharan 'tidak ada **ilah** melainkan Allah' jelas dan terang kepada golongan **kufir**. Hari ini **ummah**, ialah komuniti orang Islam di seluruh dunia.

Dengan itu keyakinan dan pengisytiharan kita tidak mempunyai tujuan, kesungguhan, rancangan serta ketepatan makna kepada orang lain. Hanya di Iran sahaja hari ini yang gerakan Islamnya mengenalpasti masalah dan berjaya mencapai matlamat **masa Mekah**. Hari ini Imam Khomeini dikaitkan sebagai tokoh **masa Mekah** moden.

Dengan menjadikan Imam Khomeini sebagai pemimpin gerakan Islam di dunia, kita telah memberi amaran bahawa **ummah** telah bersedia untuk memerangi negara kebangsaan orang Islam selain telah bersedia untuk bangun menentang pengaruh serta penjajahan **kufr** ke atas Islam. Dalam banyak hal, pergerakan Islam di seluruh dunia tidak boleh dipimpin oleh orang sembarangan. Gerakan perlu dipimpin oleh pemimpin agama dan politik negara Islam pertama pada zaman moden ini.

Satu lagi perkara yang harus diingat ialah **ummah zaman Mekah** pertama dahulu bukan hanya kecil bilangannya tetapi juga bersatu. Dalam Islam tidak ada "mazhab". Perbezaan pendapat di kalangan orang Islam hari ini hanyalah hasil khusus dalam perjalanan sejarah Islam. Pada pendapat saya kita berpecah belah kerana sejarah kita ialah sejarah perpecahan. Apabila perjalanan sejarah kita beralih ke arah pencapaian matlamat Islam yang menjadi asas semua mazhab, sejarah akan menjadikan perpecahan tadi suatu kenangan. Semangat yang sama telah ditiup oleh Imam Khomeini kepada **hujjaj** pada bulan September, 1980.

"Untuk mencintai tanah air dan mempertahankan sempadan adalah suatu hal yang boleh diterima, tetapi nasionalisme yang melibatkan perseteruan antara negara orang Islam adalah suatu hal yang berbeza. Memanglah hal ini bertentangan dengan ajaran Islam seperti yang terkandung di dalam Al Quran dan Sunnah Rasulullah. Nasionalisme yang menimbulkan permusuhan antara orang Islam selain memecah belah para penganut Islam adalah bertentangan dengan Islam dan kehendak orang Islam. Ia adalah strategi mainan orang asing

yang begitu gementar dengan penyebaran agama Islam. Yang lebih bahaya dari nasionalisme itu ialah perselisihan antara mazhab Sunnah dan Shiah selain propaganda yang buruk di kalangan orang Islam. Syukur dan puji kita kepada Allah kerana perbezaan demikian tidak ada dalam Revolusi kita. Kedua-dua mazhab saling sayang menyayangi. Golongan Sunnah yang banyak di Iran mempunyai **ulama** dan **Shayks** masing-masing; mereka adalah saudara kita dan mempunyai hak yang sama seperti kita. Mereka juga menentang segala rupa pencerobohan yang cuba dilakukan oleh penjahat-penjahat agen Yahudi dan Amerika sekarang ini. Saudara kita yang bermazhab Sunnah dalam Islam mesti sedar bahawa kuasa dunia yang syaitan ini tidak pernah sayang kepada Islam dan orang Islam. Orang Islam mesti membuang segala ikatan dengan mereka dan janganlah peduli dengan segala dakwah mereka. Saya hulurkan tangan persaudaraan kepada semua orang Islam yang komited dan berharap mereka melihat golongan syiah sebagai saudara yang penuh kasih sayang. Dengan itu semua orang hendaklah menggagalkan segala rancangan orang asing.”

Dalam perutusan yang sama, Imam Khomeini seterusnya menyeru **ummah**:

“Orang Islam di seluruh dunia, yang percayakan kebenaran Islam, bangunlah dan mari berlindung di bawah panji-panji **tauheed** dan ajaran Islam. Hancurkan kuasa besar yang jahat itu di negeri masing-masing ataupun dari ikatan kewangan mereka. Hidupkan kegemilangan Islam dan tinggalkan segala perbezaan dan perselisihan kerana kita memiliki segalanya. Berdirilah dalam kebudayaan Islam, tentanglah tingkah laku yang ditiru dari Barat, dan berdikarilah. Jatuhkan para intelektual yang berikat dengan Barat dan Timur, dan temuilah dirimu sendiri. Sedarlah bahawa para intelek yang bertuankan orang asing itu adalah pembawa bencana ke atas rakyat dan negaranya sendiri. Selagi kamu masih berpecah belah dan gagal menempatkan pergantunganmu kepada Islam, selagi itulah kamu akan menderita apa yang kamu deritai sekarang. Kita sekarang sedang berada dalam

zaman massa itu bertindak sebagai penunjuk golongan intelek selain berfungsi sebagai **penyelamat** mereka dari kehinnaan dan rasa aib. Sebab, hari ini ialah masa massa bergerak; mereka adalah penunjuk bagi mereka yang dahulunya menjadi penunjuk. Ketahuilah bahawa kuasa moral kamu itu melebihi kuasa-kuasa lain. Dengan bilangan rakyat hampir 1 bilion selain sumber kekayaan yang berlipat ganda, kamu boleh mengalahkan semua kuasa. Oleh itu bantulah perjuangan menegakkan ayat Allah, dan Allah akan membantumu. Orang-orang Islam yang ramai, bangunlah dan hancurkan musuh kemanusiaan. Sekiranya kamu pergi kepada Allah dan mengikut ajaran Islam, **Allah Subhanahu wa taala** dan segala isi alam akan bersamamu."

Imam tidak pernah takut untuk mengenal pasti musuh-musuh Islam:

"Masalah yang paling penting dan bahaya yang mengancam negeri-negeri di seluruh dunia, baik negeri orang Islam maupun bukan, ialah masalah Amerika. Sebab, dalam usaha untuk mengambil segala sumber hasil, pertanian maupun galian, Amerika akan menggunakan segala dayanya".

Amerika ialah musuh wahid golongan **mustadz'afin** dunia. Tidak ada jenayah yang Amerika tidak lakukan bagi menjamin pengaruh politik, ekonomi, kebudayaan dan tentera di kawasan **mustadz'afin**. Ia menindas orang orang **mustadz'afin** melalui propaganda besar-besaran yang diselaraskan oleh kumpulan Yahudi antarabangsa. Melalui agen-agensya yang ganas, Amerika menghisap darah orang-orang yang tidak berdaya ini seolah-olah mereka sahajalah yang berhak ke atas dunia ini.

Iran telah berusaha memusnahkan semua hubungannya dengan Syaitan Besar ini dan akibatnya muncung senapang dihalakan ke arah kita. Amerika telah menyuruh Iraq supaya menumpahkan darah para pemuda kita, ia juga menyeret negeri-negeri yang bergantung kepadanya supaya mengenakan halangan ekonomi ke atas kita, semoga kita mengaku kalah. Malang sekali, kebanyakan negeri Asia menentang kita. Negeri-negeri

orang Islam patut sedar bahawa Iran yang berperang melawan Amerika, dengan para Syuhada -para pemuda berani dalam tentera dan Pengawal Revolusi - itu sebenarnya mempertahankan Iran dan Islam. Oleh itu adalah perlu untuk diberitahu bahawa pertempuran di bahagian barat Iran adalah disebabkan oleh Amerika; Setiap hari kita bertempur dengan golongan yang tidak percayakan Tuhan di situ. Ini berpunca dari inti perjuangan Revolusi kita yang diasaskan atas dasar kemerdekaan sebenarnya. Seandainya kita bertolak ansur dengan Amerika dan kuasa besar lainnya, kita tidak akan menderita berperang. Akan tetapi negara kita tidak ada upaya lagi untuk menerima penghinaan dan keaiban; biarlah kita berputih mata dari berputih tulang. Kita rela dibunuh dan kita telah pun **redha** dengan ketentuan Allah untuk mengikut jejak pimpinan kita, Penghulu Syuhada.

*“Wahai orang Islam yang sekarang ini berada di Rumah Allah berdoa: doalah untuk mereka yang menentang Amerika dan kuasa besar lainnya, dan fahamilah kita sebenarnya bukan sedang berlawan dengan Iraq. Rakyat Iraq menyokong Revolusi Islam; musuh kita ialah Amerika dan tangan Amerika itulah yang keluar dari lengan baju Iraq. Insha'Allah, perjuangan kita akan diteruskan sampai kita mencapai kemenangan sebenarnya, sebab seperti yang saya ucap berulang kali, kami adalah pahlawan, dan bagi orang Islam untuk menyerah kalah bukanlah sifatnya.”*⁷

Apabila perutusan ini dikeluarkan pada 13 September, 1980, regim Iraq belum lagi melancarkan serangan secara besar-besaran ke atas Khuzistan; Imam Khomeini hanyalah merujuk kepada pertempuran-pertempuran kecil di sempadan yang berlangsung beberapa minggu. Sekarang ini perang antara Islam dan **kufr** ini sudah berusia lima tahun. Salah satu fakta penting tentang perang ini sejak Jerman dan Jepun kalah tahun 1945, ialah Amerika Syarikat dan Rusia berada dalam satu pakatan. Kedua-dua kuasa besar dunia itu adalah **kufr**, dan keduanya ingin meyakinkan semua orang bahawa

kedua-duanya saling bertentangan pendapat. Oleh itu usaha untuk mempertahankan diri dengan senjata berat yang paling bahaya diteruskan. Mereka seolah-olah seteru yang tidak boleh bertemu mata. Akan tetapi kebencian bersama terhadap Islam telah mempersatukan keduanya dalam perang menentang Islam. Mereka sedar bahawa **kufr** mesti bersatu untuk mempertahankan tamadun Barat dari gelombang Islam. Pada masa yang sama kuasa-kuasa besar ini berserta dengan sekutunya dan sahabatnya - Israel, India, Jepun, Afrika Selatan, dan regim negara kebangsaan orang Islam - telah mula sedar tentang bahayanya **ummah** bersatu. Sebab, apabila **ummah** sudah dikerah, biarpun sedikit, dalam pergerakan Islam secara mendunia, ia akan menjadi pergerakan yang amat kuat. Mereka sudahpun mengalaminya di Iran. Bagi orang Islam bersatunya **ummah** ialah panji-panji keyakinan dan keperluan fungsional bagi masa Mekah dalam dalam pergerakan Islam. Perbezaan mazhab dalam Islam adalah kecil jika dibandingkan dengan isu yang memecahbelahkan kapitalisme dan komunisme. Sekiranya **kufr** boleh melupakan perbezaannya untuk menentang Islam, bolehkah orang Islam melupakan perbezaan itu bagi menentang **kufr**? Bagi orang Islam, bersatunya **ummah** tidak memerlukan seseorang itu meninggalkan kepercayaan. ⁸

Sungguhpun begitu kita patut sedar bahawa terdapat pelbagai halangan bagi satu kesatuan **ummah**. Halangan-halangan politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan bagi membentuk **ummah** memanglah banyak. Yang paling besar ialah nasionalisme dan negara kebangsaan. Memanglah ada lagi faktor-faktor lain yang berusaha menjadikan **ummah** berpecah belah, lemah dan tunduk kepada tekanan Barat. Objektif utama pergerakan ialah untuk mengerah massa di bawah pimpinan **muttaqi** di seluruh dunia. Matlamat ini akan dicapai pada masa yang berlainan di tempat **ummah** yang berlainan. Oleh sebab matlamat ini dicapai di

kawasan-kawasan yang berjaya, kawasan-kawasan itu dianggap sudah dibebaskan dari nasionalisme dan taklukan Barat. Negara Islam akan dibentuk dalam kawasan-kawasan yang dibebaskan sehinggalah suatu hari seluruh **ummah** akan bersatu di bawah satu hierarki institusi yang diketuai oleh seorang Imam / kalifah. Perkara ini barangkali terlalu jauh ke hadapan. Sehubungan ini, barangkali adalah penting untuk melihat ke hadapan sejauh mungkin. Jelasnya apabila kepimpinan baru **ummah** muncul, mereka akan melibatkan diri dengan proses **ijtihad** untuk menyelesaikan pelbagai isu baru yang pastinya akan timbul.

Dalam gerakan Islam baru di seluruh dunia hari ini, ada **ummah** yang sudah berjaya melewati batas peralihan Negara Islam, ada pula **ummah** yang masih berada di peringkat awal **masa Mekah**. Oleh itu seluruh spektrum **Sirah** Rasulullah, adalah amat relevan dengan seluruh gerakan Islam moden hari ini. **Sirah**, jelasnyalah cetak biru gerakan Islam bagi semua peringkat. **Sirah** yang kita baca hari ini ialah rekod peristiwa berlaku lebih 1400 tahun dahulu. Sayangnya hanya segolongan kecil ataupun tidak ada langsung usaha untuk mengambil dari **Sirah** kaedah bagaimana pembentukan **ummah** hari ini boleh dijayakan. Hal ini terjadi kerana **ulama** hari ini berserta dengan institusi masing-masing tidak menjadi sebahagian dari gerakan Islam yang berjuang untuk membentuk **ummah**. Yang ada hari ini ialah ulama yang komitmennya hanya kepada kitab kuning, bagi menjadi imam sembahyang dan menolong orang Islam dalam upacara agama lainnya. Gerakan Islam akan cuba melahirkan generasi baru ulama. Hanya ulama yang bergerak cergas dalam perjuangan sahaja yang boleh mengambil ajaran dari **Sirah** bagi pembentukan **ummah**. Dengan itu **ijtihad** akan terus menjadi proses dinamik yang berterusan yakni apabila timbulnya isu-isu sehubungan perjuangan. Dalam kaitan ini adalah mungkin untuk

membentuk kesatuan fungsional dan operasional dalam gerakan Islam di seluruh dunia dengan rujukan kepada **masa Mekah** lampau. Munculnya kesatuan ini dalam **ummah** bagi suatu gerakan Islam melahirkan pelbagai isu yang tidak boleh kita bincang di sini.

Telah saya katakan, dan patut diulang lagi, bahawa matlamat pembentukan **ummah** memerlukan perjuangan yang menyeluruh. Dalam ucapan dan seminar ini, adalah mustahil untuk memberi satu pemerian terperinci tentang perjuangan ini beserta dengan pelbagai peringkatnya. Di sini saya hanya memberi kerangka peringkat pertama dalam perjuangan. Sungguhpun begitu ada satu aspek yang patut diberi perhatian.

Salah satu kaedah yang digunakan oleh Nabi Muhammad ialah hal mengawasi environmen di sekeliling kita. Malah memang sudah kita ketahui betapa Rasulullah akan menyambut para tetamu dan pedagang yang datang ke Mekah. Baginda menjemput **orang-orang luar** ini masuk Islam dan berharap **ummah** Islam akan muncul di luar Mekah. Orang Quraish mengambil cabaran ini secara serius sehingga berusaha melarang orang luar datang ke Mekah. Tujuannya hubungannya orang luar dengan Nabi Muhammad akan terputus. Nabi kita menggunakan environmen yang lebih besar sebagai tempat berlindung orang Islam. Inilah pentingnya penghijrahan orang Islam ke Habsyah. Mereka ini diberi perlindungan oleh Raja Keristian. Orang Quraisy menghantar utusan ke sana meminta Raja memulangkan orang Islam. Raja selepas mendengar keterangan Jaafar bin Abi Talib menolak permohonan itu. Dengan itu banyak orang Islam yang tinggal di sana sampailah **hijrah** ke Madinah berlaku. Oleh itu pada masa Islam bermula, Nabi telah mengadakan tempat perlindungan orang Islam di luar Mekah. Nabi juga berdakwah di kalangan kabilah-kabilah lainnya di Mekah. Yang amat masyhur ceritanya ialah hal perjalanan Nabi menemui kabilah di Taif. Sememangnya

perjuangan yang tidak kenal putus asa ini telah menghasilkan perjanjian Aqabah, yang selanjutnya membawa kepada hijrah ke Madinah, dan membentuk negara Islam di sana. Setelah berjaya mengawal environmen Mekah yang lebih besar, Nabi Muhammad membebaskan Mekah.

Bagi tempoh '**masa Mekah**', Gerakan Islam hari ini mendapat petunjuk yang jelas. Gerakan Islam mengenal pasti bahawa **ummah** tidak mengenal batas sempadan. Perjuangan untuk membebaskan **ummah** pada satu tempat boleh dilaksanakan dari tempat yang lain. Oleh itu **ummah** di sini adalah aset **ummah** di sana. Dalam kata lain setiap halangan dalam perjalanan gerakan Islam di satu tempat **ummah** adalah halangan yang menimpa seluruh gerakan Islam yang berjuang di satu tempat, biar jauh atau terpencil, sebenarnya sedang berjuang dalam perjuangan mendunia. Setiap kumpulan yang terlibat dalam perjuangan, biarpun kecil dan terpisah, adalah termasuk dalam perjuangan Islam menentang **kufr**.

Kita mesti membuang segala akar umbi nasionalisme dari gerakan Islam iaitu sebelum kita boleh menentang dan mengalahkan kuasa nasionalisme yang ada dalam negara kebangsaan, iaitu sebelum kita melawan sistem antarabangsa yang dikuasai oleh musuh-musuh Islam. Akhir sekali adalah pasti bahawa **ummah** akan menentukan bentuk gerakan Islam hari ini.

NOTA:

1. Lihat kertas kerja Integration and Disintegration in the Politics of Islam and Kufr yang dibentangkan di Seminar 'State and Politics in Islam di London, 1983.
2. Kertas kerja ini dibentangkan di Conferansi di Mekah, April 1977. Diterbitkan oleh The Open Press, London, 1980
3. Lihat buku Maurice Bucaille bertajuk The Bible, the Qur'an and Science, Indianapolis: American Trust Publications, 1978.
4. Al-Qur'an 2: 208; 3: 142; 8: 74; 9: 16; dll.
5. Ismail Faruqi dalam 'Arabia', London, June 1982, m. 36.
6. Lihat kertas kerja saya 'Primary Goals and Achievements of the Islamic Revolution in Iran' dibentangkan di Seminar Sedunia, di London, Ogos 1984. Terbit semula dalam Issues on The Islamic Movement, London: The Open Press, 1985.
7. Sedutan dari ucapan Imam Khomeini dari buku karangan Hamid Algar, Islam and Revolution: Writings and Declarations of Imam Khomeini, Berkeley: Mizan Press, 1981, mm. 302 - 306
8. Di Muslim Institute kami mendedahkan matlamat dan perpaduan operasional Gerakan Islam 14 tahun dahulu lihat the Draft Prospectus of the Muslim Institute (1974), dan Towards a New Destiny, (1974), and The Islamic Movement: A Systems Approach, (1976), penerbitan the Open Press Limited.

1. Lihat kertas kerja Integration and Disintegration in the Politics of Islam and Kuli yang dibentangkan di Seminar 'State and Politics in Islam' di London, 1983.
2. Kertas kerja ini dibentangkan di Konferensi di Mekah, April 1977. Diterbitkan oleh The Open Press, London, 1980.
3. Lihat buku Maurice Bucaille berjudul The Bible, the Quran and Science, Indianapolis: American Tract Publications, 1978.
4. Al-Qur'an 2: 208, 3: 142, 8: 74, 9: 16, dll.
5. Lihat Faruqi dalam 'Arabia', London, June 1982, m. 36.
6. Lihat kertas kerja saya 'Primary Goals and Achievements of the Islamic Revolution in Iran' dibentangkan di Seminar Sedunia, di London, Ogos 1984. Terbit semula dalam Issues on The Islamic Movement, London: The Open Press, 1985.
7. Sedutan dari ucapan Imam Khomeini dari buku katangan Hamid Algar, Islam and Revolution: Writings and Declarations of Imam Khomeini, Berkeley: Mizan Press, 1981, mm. 302-306.
8. Di Muslim Institute kami mendedahkan manifesto dan perpaduan operasional Gerakan Islam 14 tahun dahulu ialah the Draft Prospect of the Muslim Initiative (1974), dan Towards a New Destiny (1974) and The Islamic Movement: A Systems Approach (1976), diterbitkan the Open Press Limited.